

NO. SOALAN:31

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR**  
**[POKOK SENJA]**  
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Senja]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini cadangan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1985 atau yang lebih dikenali sebagai Akta 355 bagi meningkatkan bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah dan seterusnya membuka ruang kepada negeri meminda enakmen jenayah syariah negeri dan pelaksanaan sebahagian dari perundangan jenayah syariah di negeri-negeri Malaysia.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Dalam hal ini, Kerajaan telah

59

menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Bagi melaksanakan objektif Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini, dua jawatankuasa pelaksana ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Pemandu) dan Jawatankuasa Induk Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Induk). Keanggotaan kedua-dua Jawatankuasa ini terdiri daripada tokoh-tokoh dalam negara yang pakar dalam pelbagai disiplin termasuklah mereka yang pakar dalam undang-undang Syariah dan undang-undang sivil.

Bagi tujuan membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkasakan mahkamah Syariah di negara ini di samping mengenalpasti masalah berbangkit berhubung cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) [Akta 355], Kluster Cadangan Pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) [Akta 355] telah ditubuhkan

Berkaitan dengan Usul Ahli Parlimen Marang yang mencadangkan Rang Undang-Undang Ahli Persendirian untuk meminda Akta 355, ia tertakluk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.